ACX 0544

# RAUSYANFIKR:
# ANALISIS TERHADAP PEMIKIRAN ALI SYARI'ATI TENTANG PERANAN INTELEKTUAL MUSLIM

SAIFULLAH

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN

JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2002

Perpustakaan Universiti Malaya
A510986124

# MOTTO

أَفَمَن يَعْلَمُ أَنَّمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ الْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰ إِنَّمَا
يَتَذَكَّرُ أُولُوا الْأَلْبَابِ، الَّذِينَ يُوفُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَلَا يَنقُضُونَ الْمِيثَاقَ، وَالَّذِينَ
يَصِلُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَن يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوءَ الْحِسَابِ،
وَالَّذِينَ صَبَرُوا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَوٰةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً
وَيَدْرَءُونَ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةَ أُولَٰئِكَ لَهُمْ عُقْبَى الدَّارِ

*Adakah orang yang mengetahui bahawasanya apa yang diturunkan daripada Tuhanmu itu benar, serupa dengan orang yang buta? Hanya Uli al Albab sahajalah yang boleh mengambil pelajaran. (Iaitu) orang-orang yang memenuhi perjanjiannya dengan Allah dan tidak merosakkan perjanjian. Dan orang-orang yang menghubungkan apa-apa yang diperintahkan supaya dihubungkan, dan mereka takut kepada hisab yang buruk. Dan orang-orang yang sabar mencari keredaan Tuhannya, mendirikan sembahyang, dan menafkahkan sebahagian rezeki yang kami berikan kepada mereka (sama ada) secara sembunyi ataupun terang-terangan, serta menolak kejahatan dengan kebaikan; orang-orang itulah yang memperolehi tempat kesudahan yang baik.*

*(Surah Ar-Ra'ad 13: 19-22)*

# ABSTRACT

Different definitions are given for the term 'intellectual'. Philosophers, artists, lecturers and other are often categorized as intellectual. They work using their brain more than their physical strength. They manifest high standard of reasoning power and are found common among university graduates, ministers and high-ranking government officers.

However Ali Syari'ati al-Mazinani (deceased 1977 A.D.) stated that an intellectual has social obligation towards the society. According to him, an intellectual must become a catalyst to the society and could guide them towards betterment. He defined this type of intellectual as *Rausyanfikr*.

According to the concept which he founded, a person who possesses strong reasoning power and has produced great writings but refused to get involved with society are not true intellectuals. They are considered as intellectuals until they have put up struggle to free their society from all kinds of exploitation and tyrannies. *Rausyanfikrs* are those who follow the footsteps of the 'Prophet' or 'Messiah' for the society. They must be capable to change the people to be more dynamic, creative and progressive will then contribute to human civilization.

For him, an intellectual cannot stay in seclusion far from the society for living in seclusion will only bring agony to the society without solving up their problem.

There were three áspects of his activity that distinguished him from others at that time: intellectual struggle, practical struggle, and the struggle for the evolution of a true system of education. All three forms of struggle were oriented toward the people,or, more broadly conceived, to the umma. Instead of being totally absorbed

by the tumult of student political activity, he sought to accomplish something for the sake of his people, something lasting and worthwhile. His writings and efforts were for the sake of his people, and he, more than anyone else , viewed the masses as his unique and irreplaceable point of orientation.

His independence of thought and belief was demonstrated above all by his determined defense of truth and justice and the particular attention he paid to religious, social and political events that affected the destiny of the people. In the deathly silence that prevailed everywhere at that time, he could never withdraw from the social struggles and conflicts, and the battle between truth and falsehood. With his speeches and his writings, and others resistance activities, he had caused the authorities to open a file on him. He was never able to remain silent and to accept the negative equilibrium that had been established in society. He fought on two fronts simultaneously. He opposed the extreme traditionalists who had spun a web around themselves, separated Islam from society, retreated into a corner of the mosque and the madrasa, and often reacted negatively to any kind of intellectual movement within society; they had covered the brilliant truths of Islam with a dark veil behind which they themselves also hid. He also opposed the rootless and imitative intellectuals who had made the "new scholasticism" their stronghold.

Both groups had severed their relations with society and masses of the people, and humbly bowed their heads before the manifestations of corruption and decadence of modern age

# PENGHARGAAN

Rasa syukur yang tidak terhingga dipersembahkan kehadrat Allah s.w.t. Dengan dengan limpah kurnia dan keizinanNya penulis dapat menyelesaikan kajian ini. Selawat dan salam semoga sentiasa dicurahkan ke atas Rasul junjungan Muhammad s.a.w. yang telah berjuang melepaskan umat manusia dari kejahilan menuju keilmuan.

Penulis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih kepada Ybhg. Prof. Madya Mohamad Kamil bin Hj. Ab. Majid selaku penyelia yang telah banyak meluangkan masa untuk membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada penulis dalam menyiapkan disertasi ini. Semoga jerih payah beliau mendapat balasan pahala daripada Allah s.w.t.

Penulis juga mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan kepada Pengarah Akademi Pengajian Islam, Ketua Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam dan seluruh kakitangan terutamanya Puan Noriah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang telah memberikan bantuan dan kerjasama kepada penulis.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada yang dikasihi ayahanda dan bonda yang telah bersusah payah dengan tenaga, fikiran dan perasaan demi membesarkan dan mendidik penulis dari sejak kecil hingga mampu berdikari.

Akhir kata kepada semua pihak dan individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini, penulis sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih. Semoga segala sumbangan yang dicurahkan itu akan mendapat keberkatan dari Allah.

Penulis berharap agar kajian ini dapat memberikan sumbangan dalam memperkaya khazanah pemikiran Islam dalam kehidupan yang serba moden ini.

Sekian dan terima kasih.

Penulis

**SAIFULLAH**
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
Lembah Pantai
50602 Kuala Lumpur.

## KATA PENGANTAR

Puji dan syukur hanya untuk Allah, Rabb Pencipta alam. Selawat dan salam semoga dicurahkan ke atas Rasul pilihan Muhammad s.a.w.

Manusia di abad moden ini semakin kehilangan keyakinan dan komitmennya terhadap tujuan mulia daripada ilmu pengetahuan. Kehilangan kesedaran sosial daripada ilmuwan telah membuat mereka kalah dan mempermudah kekuatan-kekuatan yang sedang berkuasa memerintah dengan leluasa.

Abad ke-20 telah menjadi abad kemuncak perkembangan ilmu pengetahuan. Penghambaan diri terhadap netraliti ilmu menyebabkan para genius, ahli fizik, pakar ilmu jiwa dan ahli-ahli statistik sangat mudah terjebak menjadi hamba daripada kapitalisme serta kekuasaan yang mewakili sistem diktatorial dunia.

Mereka tidak lagi menggunakan sains untuk memecahkan permasalahan, mengemukakan usulan-usulan, melemparkan protes atau mempersiapkan masa depan. Parti-parti politik dan kekuatan yang berkuasa sentiasa menjerat kaum ilmuwan, penulis, penyair, artis dan ahli falsafah agar tidak konsisten dengan tujuan mulia ilmu. Kerakusan terhadap nilai kebendaan daripada para saintis mengakibatkan sains sentiasa kalah bila berhadapan dengan wang.

Dengan merendahkan nilai ilmu, para pemikir dan ilmuwan menjauhkan dirinya daripada cita-cita luhur kemanusiaan. Dengan dibatasinya ruang gerak ilmuwan dalam makmal-makmal, institusi akademik, syarikat-syarikat kapitalistik dan sebagainya, sains tidak lagi bebas merdeka untuk mengabdi kepada kebenaran dan membimbing cita-cita manusia.

Kecenderungan kontemporeri menjadikan sains hanya dianggap bertanggung jawab terhadap fakta-fakta yang zahir, analisis-analisis statistik dan kajian-kajian objektif. Ilmu telah dikekang agar tidak memberikan pemecahan terhadap masalah manusia dan masyarakat. Bahkan ilmuwan tidak lagi dibenarkan untuk membangkitkan kesedaran rakyat, membimbing semangat rakyat atau membantu mereka menemukan jalan untuk mencapai tujuan dan cita-cita rakyat.

Ali Syari'ati (m.1977 M) berpendapat bahawa hanya intelektual yang bertanggung jawab secara moral dan sosial sahajalah yang boleh melepaskan rakyat daripada semua bentuk masalah dan tekanan yang membekukan jiwa dan rohani mereka. Intelektual seperti ini diistilahkannya dengan *Rausyanfikr*.

Hanya *Rausyanfikr* sahajalah, menurut Ali Syari'ati yang menjadi ugutan paling berkesan bagi kekuatan-kekuatan yang memerintah dan sistem kapitalisme. Cendekiawan yang berpegang teguh dengan konsep *Rausyanfikr* tidak akan menjual dirinya kepada pemerintah, korporat dan kekuatan diktatorial yang lain untuk menghamba dan menghinakan kemuliaan mindanya. Sebaliknya seorang *Rausyanfikr* bekerja secara aktual memperbaiki dan mengarahkan gerakan rakyat.

Individu *Rausyanfikr* menghindari perkara-perkara abstrak yang mengelirukan umat. Dan secara kreatif, dia berusaha menciptakan revolusi dalam cara berfikir, pandangan, kesedaran sosial dan pemahaman agama masyarakat mereka. Dia harus menjadi pensyarah yang kata-katanya dimengerti oleh seluruh rakyat.

Dalam konteks Islam, *Rausyanfikr* harus kembali kepada nilai-nilai ajaran Islam. Bukan hanya kerana Islam adalah agama umat, pembentuk sejarah, semangat budaya dan asas kerohanian umat. Tetapi juga kerana Islam merupakan semangat yang menghidupkan rakyatnya. Ketika dia terjun dalam perjuangan spritual

menentang budaya Barat dia harus kembali kepada Islam untuk mengisi kekosongan pada budayanya di abad ini. Di mana tamadun kebendaan telah mengakibatkan kelumpuhan rohaniah umat Islam.

Dalam pencapaian ilmu pengetahuan, Islam telah membuktikan kemampuannya sebagai satu agama yang berpandangan terbuka, syumul dan realistik serta mempunyai susunan hukum yang bergerak maju bersama zaman. Dasar falsafah sosial Islam bertujuan untuk menjadikan golongan yang lemah dan tertindas menuju kemenangan mutlak atas kezaliman dan penindasan. Ia memiliki pandangan sosial yang maju, percaya kepada nilai-nilai keadilan, meyakini kesamaan taraf hidup dan patuh di bawah kepimpinan yang tulus ikhlas.

Akhirnya Islam telah terbukti sebagai satu cara hidup yang didasarkan atas nilai kemanusiaan. Islam meyakini bahawa manusia bertanggung jawab atas evolusi alam sekitar. Agama ini juga menyokong penghapusan nilai-nilai rasial, perkauman dan kesukuan. Islam berjuang menegakkan masyarakat (ummah) yang didasarkan atas kesamaan taraf dan kedudukan. Ia merupakan ideologi, arah, pedoman dan satu jawapan mutlak terhadap nasib masyarakat dunia yang semakin kehilangan jati diri.

Inilah tajuk-tajuk yang dibahas oleh Ali Syari'ati dalam thesis ini. Secara garis besarnya, penulis membahas hubungan antara *Rausyanfikr* dan ideologi, cabaran ideologi barat, tugas-tugas utama kaum intelektual Muslim dan analisis penulis terhadap pengaruh pemikiran Syari'ati terhadap kalangan intelektual di Indonesia.

Saifullah

## KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| Motto | | i |
| Abstrak | | ii |
| Penghargaan | | iv |
| Kata Pengantar | | vi |
| Kandungan | | x |
| Transliterasi | | xii |
| Daftar Singkatan | | xiii |
| **BAB I** | | |
| **PENDAHULUAN** | | |
| 1.1 | Latar Belakang | 1 |
| 1.2 | Perumusan Masalah | 9 |
| 1.3 | Tujuan dan Kegunaan Kajian | 9 |
| 1.4 | Pendekatan Teori | 10 |
| 1.5 | Metode Penyelidikan | 18 |
| 1.5.1 | Sumber Data | 18 |
| 1.5.2 | Pengumpulan Data | 19 |
| 1.5.3 | Analisa Data | 19 |
| **BAB II** | | |
| **ALI SYARI'ATI: GAMBARAN INTELEKTUAL MUJAHID** | | |
| 2.1 | Kehidupan awal dan pengajian | 20 |
| 2.2 | Kehidupan dan perjuangan. | 22 |
| 2.3 | Karya-karya | 29 |
| 2.4 | Pemikiran-pemikiran | 33 |
| 2.4.1 | Pemikiran tentangTauhid | 33 |
| 2.4.2 | Pemikiran tentang Imamah | 45 |
| 2.4.3 | Pemikiran tentang Peradaban Barat | 50 |

**BAB III**

**PEMIKIRAN ALI SYARI'ATI TENTANG RAUSYANFIKR**


3.1 Terminologi *Rausyanfikr* 60

3.2 Ideologi dan *Rausyanfikr* 73

3.3 Perbezaan antara Ilmuwan, ahli Falsafah dan *Rausyanfikr* 84

3.4 Peranan *Rausyanfikr* 109


**BAB IV**

**ANALISA TERHADAP KONSEP RAUSYANFIKR ALI SYARI'ATI**


4.1 Kekuatan argumentasi 144

4.2 Perbandingan dengan M. Iqbal 154

4.3 Pesan Ali Syari'ati 160

4.4 Pandangan Intelektual Indonesia Tentang Pemikiran Ali Syari'ati 165


**BAB V**

**PENUTUP**


Kesimpulan 180

Saran-saran 182

**BIBLIOGRAFI** 183

**GLOSARI** 187

## TRANSLITERASI

| HURUF ARAB | HURUF RUMI | HURUF ARAB | HURUF RUMI |
|---|---|---|---|
| ا | a | ض | ḍ |
| ب | b | ط | ṭ |
| ت | t | ظ | ẓ |
| ث | th | ع | ‛ |
| ج | j | غ | gh |
| ح | ḥ | ف | f |
| خ | kh | ق | q |
| د | d | ك | k |
| ذ | dh | ل | l |
| ر | r | م | m |
| ز | z | ن | n |
| س | s | و | w |
| ش | sy | ه, ة | h |
| ص | ṣ | ء | ’ |
| | | ي | y |

### Vokal dan Diftong

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| □َ | a | اَ | ā | ـَى | ai |
| □ِ | i | ـِيْ | ī | ـَوْ | aw |
| □ُ | u | ـُوْ | ū | ـَيْ | ay |

# DAFTAR SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| a.s. | - | 'Alaihissalam |
| Dr. | - | Doktor |
| Depag. | - | Departemen Agama |
| Dkk. | - | Dan kawan-kawan |
| Drs. | - | Doktorrandus |
| ed. | - | Editor |
| H. | - | Hijrah |
| m. | - | Meninggal |
| M. | - | Masihi |
| No. | - | Nombor |
| terj. | - | Terjemahan |
| T.T. | - | Tanpa Tarikh |
| Prof. | - | Profesor |
| QS. | - | Al-Qur'an Surah |
| S.W.T. | - | Subhanahuwataala |
| S.A.W. | - | Sallallahu 'alaihi wassalam |